

29 JUN 1999

Mahathir-Perniagaan

USAHAWAN MELAYU PERLU PANDAI URUS PERNIAGAAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta usahawan Melayu supaya mengutamakan kecekapan pengurusan bagi menentukan mereka terus berjaya dalam perniagaan.

Beliau berkata orang Melayu mempunyai kebolehan yang sama dengan orang lain tetapi agak kurang daripada segi disiplin.

"Kalau kita dapat satu bilion Ringgit tetapi tidak tahu menguruskan perniagaan dengan baik, kita akan gagal juga.

"Walaupun saya bukan ahli perniagaan, saya ingin menegaskan kepada semua usahawan Melayu supaya mempraktikkan kecekapan pengurusan bagi menentukan kejayaan mereka," katanya ketika berucap merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-34 Dewan Perniagaan Melayu Malaysia di sini.

Perdana Menteri berkata usahawan Melayu hendaklah berpegang teguh kepada janji terutama dalam membayar hutang kepada bank.

Katanya ini kerana kejayaan sesuatu perniagaan banyak bergantung kepada kepercayaan yang diperolehi daripada pihak lain.

Dr Mahathir berkata sikap berpegang teguh kepada janji adalah satu elemen penting dalam usaha mewujudkan ahli perniagaan Melayu yang mempunyai reputasi yang tinggi.

Beliau juga mengingatkan ahli perniagaan Melayu supaya jangan mengabaikan peluang yang diberikan oleh kerajaan selama ini dengan menyeleweng daripada tujuan asal mereka untuk memajukan perniagaan.

Katanya kerajaan telah banyak membantu golongan peniaga Melayu dengan memberi lesen dan sebagainya tetapi sesetengah daripada mereka menyalahgunakan peluang itu dengan mengutamakan perkara lain seperti membeli kereta mewah.

Mengenai Penswastan, Dr Mahathir menolak tanggapan sesetengah pihak kononnya kerajaan mengamalkan pilih kasih dalam memilih syarikat yang layak menerima projek penswastan.

Beliau berkata dalam memilih syarikat untuk diberikan projek penswastan, kerajaan mengutamakan usahawan Bumiputera yang menunjukkan kemampuan dan kredibiliti dalam pengurusan perniagaan dan telah berjaya memajukan syarikat ke tahap yang membanggakan.

"Kerajaan menetapkan agar projek penswastan hendaklah diserahkan kepada Bumiputera yang berkemampuan daripada segi kewangan dan mempunyai kecekapan dalam pengurusan perniagaan."

"Ini kerana jika ianya diserahkan kepada mereka yang tidak cekap, tidak berkemampuan atau tiada berpengalaman, besar kemungkinan projek itu akhirnya akan diserahkan kepada orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata ini bertentangan dengan hasrat kerajaan mewujudkanimbangan ekonomi antara Bumiputera dengan Bukan Bumiputera di peringkat lebih tinggi menerusi projek penswastan.

Beliau berkata di peringkat rendah Bumiputera telahpun menikmati manfaat daripada kegiatan yang dijalankan oleh Permodalan Nasional Berhad menerusi pengambilalihan 30 peratus saham syarikat.

"Tetapi jika menerusi pengagihan saham semata-mata, kita takkan faham bagaimana cara mengurus perniagaan dan akhirnya kita akan hanya menjadi pemilik saham yang tidak tahu cara mengurus perniagaan," katanya.

Oleh itu katanya bukan hasrat kerajaan memilih kroni seperti yang dakwa oleh pihak barat tetapi mereka yang diberikan projek penswastan merupakan yang benar-benar layak dan berkemampuan untuk memajukan sesuatu projek yang diberikan.

Perdana Menteri berkata pihak barat sengaja mengaitkan penswastaaan dengan isu kronisme dan nepotisme kerana mereka merasa cemburu dengan dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

"Mereka sebenarnya mahukan supaya kerajaan menyerahkan bulat-bulat semua projek penswastaaan kepada mereka kerana sedar projek berkenaan boleh membawa keuntungan yang besar.

Dr Mahathir juga mengingatkan bahawa penguasaan ekonomi yang cuba dilakukan oleh pihak asing terhadap Malaysia dengan menjatuhkan nilai ringgit dan pasaran saham sebenarnya juga merupakan percubaan mereka untuk menguasai politik di negara ini.

"Mereka ingin menentukan siapa yang menjadi pemimpin dalam negara kita. Di waktu itu (jika penguasaan itu terjadi) kita sudah tidak merdeka lagi," dan menambah kata sebab itulah Malaysia menolak tawaran bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Laporan akhbar hari yang menyiarkan pengakuan IMF bahawa ia menerima arahan daripada Perbendaharaan Amerika Syarikat, yang jelas menunjukkan bahawa IMF sebenarnya bukanlah tidak berpihak, katanya.

"Apa juga yang berlaku kepada negara kita, kita tidak akan meminta bantuan asing kerana kita syak mereka tidak memberi pertolongan tetapi sebaliknya ingin menguasai ekonomi negara," katanya.

Secara berseloroh, beliau berkata, "Saya bukanlah anti-Amerika (Syarikat), saya cuma pro-Malaysia sahaja. Kalau kepentingan Malaysia terancam, kita tidak boleh tunduk kepada sesiapaupun."

-- BERNAMA  
AKT MNY PR